

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KERATAN AKHBAR 6 OKTOBER 2017


UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ISU : TVET

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	06.10.2017 Jumaat	BERITA HARIAN GERAKAN tubuh dana TVET manfaat pekerja mahir	Pendidikan 19	JPK Presiden GERAKAN

GERAKAN tubuh dana TVET manfaat pekerja mahir

[FOTO OWEE AH CHUN/BH]



Siew Keong (dua dari kanan) menerima replika cek daripada Siew Hoong (kiri) selepas melancarkan tabung TVET di Ibu Pejabat GERAKAN, semalam.

Kuala Lumpur: Bagi membantu pekerja mahir yang tidak mendapat sijil diiktiraf kerajaan, GERAKAN melancarkan tabung Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan modal permulaan RM100,000.

Tabung yang dilancarkan Presiden GERAKAN, Datuk Seri Mah Siew Keong itu menawarkan RM3,000 kepada peserta bagi meneruskan pengajian dalam bidang TVET dan mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Satu hingga Lima di institusi kemahiran kendalian Jabatan Kemahiran Malaysia.

Ramai pekerja mahir tiada sijil

Beliau berkata, banyak pekerja mahir yang bekerja dalam sektor kemahiran seperti bengkel kereta, juruelektik dan tukang paip di negara ini tidak mempunyai sijil kemahiran yang diiktiraf kerajaan kerana mereka hanya berpendidikan rendah.

Fakta nombor

RM100,000

MODAL

permulaan untuk tabung TVET

RM3,000

DANA

ditawarkan kepada peserta meneruskan pengajian TVET dan mendapat Sijil Kemahiran Malaysia

“Malah, kebanyakan mereka yang mahir dalam bidang pekerjaan itu belajar daripada pengalaman kerja semata-mata, menyebabkan kemahiran mereka tidak diiktiraf dan menyukarkan mereka memasuki pasaran kerja berkemahiran tinggi.

“Kita harap dengan ada tabung ini, nasib pekerja mahir yang tiada kelulusan ini dapat dibela dan mereka dapat meningkatkan kemahiran sedia ada menjadi kemahiran tinggi,” katanya pada sidang media selepas melancarkan tabung berkenaan.

Tabung itu ditubuhkan dengan modal permulaan disumbangkan penderma, Tan Sri Soong Siew Hoong yang juga bekas pemimpin GERAKAN.

Terbuka kepada rakyat Malaysia sejak 1 Oktober lalu, mereka yang berminat mendapatkan pembiayaan daripada tabung itu boleh memohon melalui www.gerakan.org.my. Permohonan ditutup 31 Disember ini.